

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011

21/1

SEJARAH

Kertas 1

Oktober

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 22 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

21/1 © 2011 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT

- 1 Petikan berikut berkaitan dengan kepentingan sejarah.

Mereka yang melupai sejarah pasti akan mengulanginya.
George Santayana

Apakah kepentingan sejarah yang boleh dikaitkan dengan petikan tersebut?

- A Memperkukuh semangat kenegerian
B Menggalakkan perbezaan pendapat
C Melahirkan perasaan jati diri
D Membela kepentingan peribadi
- 2 Apakah kegiatan ekonomi masyarakat dalam kerajaan berikut?

- Kedah Tua
- Majapahit


- A Menjalankan kegiatan perdagangan
B Memajukan bidang pertanian
C Mengusahakan penternakan
D Memungut hasil hutan
- 3 Apakah kepentingan Gunung Jerai kepada pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang dalam kerajaan Kedah Tua?
- A Kawasan pemerintahan
B Penunjuk arah
C Pusat keagamaan
D Benteng pertahanan
- 4 Jadual berikut berkaitan dengan dua utusan China yang dihantar ke Melaka.

Tahun	Utusan
1404	Laksamana Yin Ching
1405	Laksamana Cheng Ho

Mengapakah China menghantar utusan tersebut?

- A Mengasaskan sistem pemerintahan
B Meluaskan tanah jajahan
C Memohon bantuan ketenteraan
D Menjalin hubungan perdagangan

- 5 Peta berikut menunjukkan Melaka menerima ancaman luar.



Tindakan Parameswara memohon bantuan dari China untuk mengatasi ancaman tersebut membuktikan baginda seorang yang

- A berhemah
 - B berkeyakinan diri
 - C bersemangat waja
 - D berfikiran strategik
- 6 Dalam sistem pentadbiran kerajaan Melayu Melaka, “kawasan pemakanan” merujuk kepada kawasan
- A petempatan
 - B percukaian
 - C perdagangan
 - D perlombongan
- 7 Apakah yang terkandung dalam Hikayat Muhammad Ali Hanafiah sehingga berjaya menaikkan semangat juang askar Melaka semasa menentang serangan Portugis?
- A Kewibawaan pemimpin
 - B Keberkesanan strategi
 - C Keberanian pahlawan
 - D Kesetiaan rakyat


[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 8 Dialog berikut mungkin berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Raja Mendeliar	:	Ampun tuanku. Patik mendapati Tun Mutahir cuba mengatasi kekayaan tuanku.
Sultan Mahmud Shah	:	Apakah benar kata-katamu itu Raja Mendeliar?

Apakah kesan daripada kata-kata Raja Mendeliar itu?

- A Perebutan takhta berlaku
 - B Perpaduan terjejas
 - C Perang saudara tercetus
 - D Perubahan sistem pentadbiran
- 9 Pada kurun ke-16, pedagang asing dari Melaka berpindah ke Aceh. Mengapakah mereka berbuat demikian?
- A Bahan dagangan berkurangan
 - B Dasar perdagangan berubah
 - C Gangguan angin monsun
 - D Perairan semakin cetek
- 10 Rajah berikut menunjukkan pergerakan Sultan Mahmud Shah selepas Melaka ditawan Portugis pada tahun 1511.



Apakah X?


- A Riau
 - B Jambi
 - C Bentan
 - D Lingga
- 11 Bendahara Megat Terawis telah menentukan sempadan antara Perak dengan Siam atas perintah Sultan Melaka. Apakah kesan tindakan tersebut?
- A Memajukan kawasan perlombongan
 - B Memudahkan pungutan cukai
 - C Menarik kemasukan pedagang
 - D Menamatkan penghantaran ufti

12 Pada akhir kurun ke-18 dan awal kurun ke-19, kedaulatan Kelantan sering diancam oleh Terengganu.


Bagaimanakah pemerintah Kelantan mengatasi ancaman tersebut?

- A Memeterai perjanjian damai
- B Menjalin hubungan dengan Siam
- C Memantapkan sistem pemerintahan
- D Meningkatkan kerjasama dengan British

13 Berikut adalah alat kebesaran diraja.



Bungkung



Tengkolok




Keris Raja

Alat kebesaran diraja tersebut melambangkan

- A kesetiaan
 - B kekuatan
 - C keamanan
 - D kedaulatan
- 14 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan kaum Murut di Sabah?
- I Memungut hasil hutan
 - II Menanam lada hitam
 - III Meraikan *Pesta Kaamatan*
 - IV Mempercayai *Aki Kopuno*
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Mengapakah etnik Bajau memilih 14 dan 15 hari bulan Hijrah untuk mengadakan upacara perkahwinan?
- A Menjamin keselamatan keluarga
 - B Mewujudkan keharmonian hidup
 - C Memastikan kemeriahan majlis
 - D Mendapat kemurahan rezeki

[Lihat halaman sebelah
SULIT

16 Peta berikut menunjukkan ancaman terhadap kedaulatan Kedah pada kurun ke-18.



Bagaimanakah sultan Kedah bertindak untuk menghadapi ancaman tersebut?

- A Meminta bantuan luar
 - B Mendirikan kubu pertahanan
 - C Memindahkan pusat pentadbiran
 - D Mengadakan rundingan perdamaian
- 17 Pada 11 Ogos 1786, Francis Light telah menaikkan bendera *Union Jack* di Pulau Pinang.
Apakah kesan peristiwa tersebut ke atas Tanah Melayu?
- A Kegiatan lanun terhapus
 - B Penjajahan kuasa asing
 - C Pertahanan diperkukuh
 - D Perdagangan terjejas
- 18 Bagaimanakah Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786?
- A Melalui tipu muslihat
 - B Melantik pemerintah baru
 - C Memonopoli hasil bumi
 - D Menghantar penasihat

- 19 Jadual berikut merujuk kepada masalah yang membuka peluang campur tangan British di negeri-negeri Melayu pada kurun ke-19.

Negeri	Masalah
Perak	Perang Larut
Selangor	Perang Klang
Pahang	X

Apakah X?

- A Perselisihan sempadan negeri
 - B Perebutan takhta
 - C Pembunuhan pedagang
 - D Pertikaian hak kutipan cukai
- 20 Jadual berikut menunjukkan kuasa Barat yang ingin meluaskan pengaruh di Tanah Melayu.

Jerman	Amerika Syarikat
Berhasrat untuk mendapatkan Pulau Langkawi	Berhasrat untuk meluaskan pengaruh di Terengganu

Bagaimanakah British menyekat kuasa Barat tersebut daripada bertapak di Tanah Melayu?

- A Menggubal perlembagaan negeri
- B Memeterai perjanjian dengan Siam
- C Memperkenalkan Sistem Residen
- D Menetapkan sempadan pengaruh

- 21 Gambar berikut menunjukkan tokoh yang memberi sumbangan di negeri Selangor pada tahun 1868.



Tengku Kudin

Apakah sumbangan beliau?


- I Memajukan negeri
 - II Menamatkan kekacauan
 - III Membuka petempatan baru
 - IV Memperkenalkan pertanian ladang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 22 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Selangor pada kurun ke-19.

Tahun	Peristiwa
1873	Serangan ke atas kapal dagang British di Kuala Langat

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?


- A Pembinaan kubu pertahanan
- B Pembinaan rumah api
- C Peperangan meletus
- D Pelantikan Residen

- 23 Peta berikut menunjukkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang dibentuk pada tahun 1896.



Apakah tujuan pembentukan tersebut?

- A Menguatkan pertahanan ketenteraan
 - B Memantapkan pengaruh pembesar
 - C Mengukuhkan kedudukan sultan
 - D Memajukan ekonomi sara diri
- 24 Garis masa berikut menerangkan usaha British untuk meluaskan kuasa di negeri-negeri Melayu Utara.



Apakah kesan peluasan kuasa tersebut?

- A Kebajikan rakyat terbela
- B Keamanan negeri terganggu
- C Sumber ekonomi dimajukan
- D Kewibawaan sultan terganggu

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 25 Jadual berikut menunjukkan bilangan sekolah mengikut jenis di Sarawak pada tahun 1938.

Jenis Sekolah	Bilangan
Sekolah Melayu	33
Sekolah Cina	144
Sekolah Dayak	1

Mengapakah bilangan Sekolah Dayak sedikit?

- A Penjimatan perbelanjaan kerajaan
 - B Masalah kekurangan murid
 - C Pengekalan cara hidup
 - D Perpindahan kaum berleluasa
- 26 Arahan berikut mungkin berlaku semasa pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak pada kurun ke-19.

Brooke	:	Ahmad, kamu jadi kerani. Gawing, kamu jadi tentera. Wong, kamu jadi peniaga.
Ahmad, Gawing dan Wong	:	Kami faham, tuan.

Mengapakah Brooke mengeluarkan arahan tersebut?

- A Menjamin kedudukan pemerintah
 - B Menghalang kemasukan kuasa luar
 - C Mewujudkan perpaduan kaum
 - D Meningkatkan taraf hidup
- 27 Pada 24 September 1941, Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan perlembagaan Sarawak.

Mengapakah perlembagaan tersebut tidak dapat dilaksanakan?

- A Perletakan jawatan Raja Sarawak
- B Pengukuhan pengaruh British
- C Pendudukan tentera Jepun
- D Penentangan ahli Majlis Tertinggi

28 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah bandar di Sabah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Diasaskan oleh William Pryer• Pernah diberi nama Elopura• Memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran, pelabuhan antarabangsa dan pusat pembalakan |
|--|

Apakah bandar tersebut?

- A Kudat
- B Jesselton
- C Sandakan
- D Lahad Datu

29 Syarikat Borneo Utara British (SBUB) telah melantik tokoh tempatan berikut untuk memegang jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah.

Tokoh Tempatan
<ul style="list-style-type: none">• O.K.K. Pangeran Haji Omar• O.K.K. Haji Mohammad Arshad• O.K.K. Pangeran Mohamad Abas

Mengapakah SBUB bertindak demikian?

- A Memenuhi tuntutan penduduk
- B Memberi latihan kepimpinan
- C Mengiktiraf pemimpin tempatan
- D Menjimatkan perbelanjaan pengurusan

30 Jadual berikut berkaitan dengan penentangan terhadap British di Perak.

Tarikh	Peristiwa
2 November 1873	Pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak

Mengapakah J.W.W. Birch dibunuh?

- I Memperkenalkan cukai baru
 - II Mengharamkan amalan perhambaan
 - III Melarang pembukaan tanah baru
 - IV Menangkap penduduk tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Charles Brooke gagal menawan kubu Rentap di Bukit Sadok pada tahun 1857 dan tahun 1858.

Apakah keistimewaan kubu tersebut?

- I Dilindungi hutan tebal
 - II Dibina di kawasan yang tinggi
 - III Dipagari dengan kayu belian
 - IV Dikelilingi sungai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Apakah kesan perjuangan tokoh berikut terhadap penduduk Tanah Melayu?

Tokoh	Negara
Jose Rizal	Filipina
Soekarno	Indonesia

- A Pengukuhan sistem pendidikan
- B Kebangkitan semangat kebangsaan
- C Pelaksanaan pentadbiran moden
- D Kewujudan perpaduan kaum

33 Jadual berikut berkaitan dengan perkembangan politik dunia pada awal kurun ke-20.

Tahun	Peristiwa
1905	Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia
1911	Kejayaan Revolusi China

Apakah kesan peristiwa tersebut ke atas Tanah Melayu?

- A Memantapkan sistem pentadbiran
 - B Menamatkan semangat kenegerian
 - C Menggalakkan penubuhan parti politik
 - D Menyemarakkan kesedaran kebangsaan
- 34 Apakah tujuan penubuhan Persatuan India Pusat pada tahun 1926 di Tanah Melayu?
- A Menyediakan pendidikan tinggi
 - B Memupuk perpaduan kaum
 - C Memperjuangkan kepentingan ahli
 - D Membendung pengaruh komunis
- 35 Gambar berikut berkaitan dengan Dasar Penjepunan di Tanah Melayu.

Budaya Jepun diiklankan dalam akhbar.

Murid sekolah dan kakitangan kerajaan dipaksa menyanyikan "Kimigayo" (lagu kebangsaan negara Jepun).

Mengapakah pentadbiran Jepun berbuat demikian?

- A Melaksanakan dasar neokolonialisme
- B Mengawal semangat kebangsaan
- C Memperkaya tamadun bangsa
- D Memperkukuh kesetiaan kepada maharaja

- 36 Industri berikut muncul akibat keperluan hidup pada zaman penjajahan Jepun.

Industri berasaskan bahan tempatan
<ul style="list-style-type: none"> • Bahan api daripada getah • Tali kapal daripada sabut kelapa • Kertas daripada lalang, buluh dan daun getah

Apakah kesimpulan anda dengan kemunculan industri tersebut?

- A Masyarakat lebih kreatif
 B Rakyat menjalin kerjasama
 C Pemimpin perlu berwawasan
 D Penduduk berhemah tinggi
- 37 Jadual berikut menerangkan pengeboman dua buah bandar di Jepun oleh Tentera Bersekutu.

Bandar	Tarikh
Hiroshima	6 Ogos 1945
Nagasaki	9 Ogos 1945

Apakah kesan pengeboman tersebut?

- A Penduduk tempatan menentang penjajah
 B Tentera British mula berundur
 C Perang Dunia Kedua tamat
 D Negara Asia berpecah belah
- 38 Pada akhir tahun 1940, Kesatuan Melayu Muda (KMM) bekerjasama dengan Jepun. Apakah tujuan kerjasama tersebut diwujudkan?
- A Memajukan ekonomi penduduk tempatan
 B Memperkenalkan pentadbiran tentera
 C Mengelakkan penindasan rakyat
 D Mendapatkan kemerdekaan tanah air

39 Pernyataan berikut membuktikan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

Tanah Melayu hak Melayu, Malayan Union tidak dikehendaki.

Bagaimanakah mereka menentang rancangan tersebut?

- A Mendapatkan bantuan dari luar
- B Mengutus surat bantahan
- C Melancarkan gerakan bersenjata
- D Memutuskan hubungan diplomatik

40 Mengapakah pertubuhan berikut menyokong Malayan Union?

- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

- A Menyokong prinsip kerakyatan terbuka
- B Menentang gerakan politik radikal
- C Kemasukan kaum imigran disekat
- D Kedaulatan raja-raja dikembalikan

41 Jadual berikut menunjukkan bilangan orang Melayu yang menyertai demonstrasi membantah pelaksanaan Malayan Union.


Tempat	Bilangan
Alor Setar	50 000 orang
Kota Bharu	10 000 orang

Mengapakah mereka bertindak demikian?

- A Syarat kerakyatan diperketat
- B Tamadun bangsa terancam
- C Jawatan pembesar dilucut
- D Pentadbiran negara disatukan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

42 Rajah berikut berkaitan dengan tujuan penubuhan Malayan Union.



Apakah X?

- A Mengawal kuasa politik orang Melayu
 - B Mengawal kemasukan kaum imigran
 - C Memajukan sistem perhubungan
 - D Membanteras ancaman komunis
- 43 Apakah langkah yang digunakan dalam Rancangan Briggs untuk membanteras ancaman komunis pada tahun 1950?
- I Melonggarkan syarat kerakyatan
 - II Menawarkan pemberian hadiah
 - III Membuka kampung baru
 - IV Melancarkan Gerakan Kelaparan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 44 Apakah faktor yang menyebabkan orang Melayu menolak fahaman komunis?
- A Hak istimewa
 - B Ketuhanan
 - C Pendidikan
 - D Kemerdekaan
- 45 Mengapakah kerajaan membelanjakan sebanyak \$250 000.00 hingga \$300 000.00 sehari untuk pertahanan negara antara tahun 1948 hingga tahun 1960?
- A Menamatkan konfrontasi
 - B Membendung rusuhan kaum
 - C Menghapuskan ancaman komunis
 - D Mengurangkan kemasukan imigran

- 46 Gambar berikut menunjukkan peristiwa pembunuhan pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak pada tahun 1948.



Apakah kesan peristiwa tersebut?


- A Pembentukan Malayan Union
 - B Penubuhan pasukan polis
 - C Pergaduhan antara kaum
 - D Pengisytiharan Undang-undang Darurat
- 47 Apakah kesan peristiwa berikut ke atas Tanah Melayu?

Tahun	Peristiwa
1948-1960	Darurat

- I Pertahanan lemah
 - II Pembangunan terjejas
 - III Hubungan kaum renggang
 - IV Kuasa luar semakin berpengaruh
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT

48 Rajah berikut menunjukkan perubahan sistem pendidikan di negara kita.



Mengapakah perubahan tersebut dilakukan?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
 - B Menambah peluang pekerjaan
 - C Mengekalkan identiti kaum
 - D Melahirkan tenaga mahir
- 49 Pada tahun 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk di Tanah Melayu. Mengapakah jawatankuasa tersebut dibentuk?
- A Menamatkan zaman darurat
 - B Menyeragamkan pentadbiran
 - C Melaksanakan amalan demokrasi
 - D Menggubal undang-undang
- 50 Apakah yang berkaitan dengan maklumat berikut?

- Terdiri daripada sembilan orang anggota
- Merupakan kabinet bayangan


- A Sistem Ahli
- B Majlis Bandaran
- C Majlis Perundangan Persekutuan
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan

51 Jadual berikut berkaitan dengan Sistem Ahli pada tahun 1951.

Ahli	Portfolio
Dato' Onn bin Jaafar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri
Dato' E.E.C Thuraisingam	Ahli Pelajaran
Dr. Lee Tiang King	Ahli Kesihatan

Mengapakah British melantik ahli tersebut dari kalangan pelbagai kaum?


- A Memperkukuh kerajaan pusat
 - B Memperkuat asas perpaduan
 - C Memenangi hati rakyat tempatan
 - D Menyeragamkan sistem pentadbiran
- 52 Persekutuan Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan dalam tempoh dua tahun selepas pilihan raya umum 1955.
- Apakah faktor kejayaan tersebut?
- A Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan
 - B Pembukaan keahlian UMNO kepada semua kaum
 - C Pembubaran Parti Komunis Malaya
 - D Persetujuan Perjanjian London
- 53 Berdasarkan rajah berikut, apakah X?



- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

[Lihat halaman sebelah
SULIT

54 Garis masa berikut berkaitan dengan kronologi kemerdekaan negara.



Apakah X?


- A Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
- B Pembentukan Jawatankuasa Pilihan Raya
- C Pembentukan Parti Perikatan
- D Pembentukan Suruhanjaya Reid

55 British menggalakkan penubuhan *Young Malay Association* (YMA) di Sarawak.

Mengapakah British berbuat demikian?

- A Menggalakkan kegiatan politik
- B Menyatukan penduduk tempatan
- C Melemahkan Gerakan Antipenyerahan
- D Menggagalkan penubuhan Malaysia

56 Rajah berikut menunjukkan faktor penyerahan Sabah kepada British.



Apakah X?

- A Mengeksploitasi hasil negeri
- B Memajukan infrastruktur
- C Melindungi hak peribumi
- D Memperkenalkan pelabuhan bebas

57 Apakah hasil tindakan berikut?

Negeri	Tahun	Tindakan
Singapura	1962	Referendum diadakan
Sabah	1963	Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meninjau pandangan penduduk
Sarawak		

- A Memohon latihan kepimpinan
 B Menuntut pilihan raya
 C Membentuk Parti Perikatan
 D Menyokong penubuhan Malaysia
- 58 Petikan berikut merupakan sebahagian daripada ucapan Tun Abdul Razak dalam *UMNO 20 Tahun*.

“...Kita gembira kerana kita telah dapat menyingkirkan duri dari dalam daging kita.”

- Apakah peristiwa yang berkaitan dengan petikan tersebut?
- A Pendudukan Jepun
 B Pemisahan Singapura
 C Konfrontasi Indonesia
 D Keganasan Bintang Tiga
- 59 Maklumat berikut adalah sebahagian daripada Tuntutan 20 Perkara Sabah yang dipertimbangkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

- Tiada agama rasmi
- Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi
- Imigresen di bawah bidang kuasa kerajaan negeri

- Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan pertimbangan tersebut?
- A Berketrampilan
 B Bertoleransi
 C Bersyukur
 D Berdedikasi

- 60 Jadual berikut menunjukkan Suruhanjaya yang dibentuk untuk merealisasikan penubuhan Malaysia.

Tahun	Suruhanjaya
1962	Suruhanjaya Cobbold
1963	Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Apakah kepentingan suruhanjaya tersebut?

- A Memperakukan keputusan pilihan raya
- B Mengiktiraf bakal pemimpin
- C Menggubal perlembagaan
- D Mengesahkan persetujuan penduduk

KERTAS SOALAN TAMAT